

YB PERDANA MENTERI SERAH KUNCI PPR

TEHEL, MELAKA



YAB Perdana Menteri telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Program Perumahan Rakyat (PPR) Tehel, Melaka pada 21 April 2017.

KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah membina PPR Tehel, Melaka ini dengan kos pembangunan sebanyak RM80 juta di atas tapak seluas 10 ekar dan telah disiapkan pada 29 Julai 2016. PPR ini mempunyai 500 unit rumah pangsa yang dilengkapi dengan kemudahan surau, dewan serbaguna, tadika, kedai, gerai, gelanggang futsal, gelanggang takraw dan taman permainan.

PPR Tehel, Melaka yang terletak di Daerah Jasin, Mukim Ayer Panas Melaka akan memberikan kemudahan perumahan yang berkualiti,

selesa serta mampu disewa atau dibeli oleh golongan yang berpendapatan rendah. Ini juga akan mengurangkan masalah penyediaan rumah mampu milik yang tidak mencukupi kepada rakyat.

Unit PPR ditawarkan kepada rakyat sama ada secara sewaan pada kadar serendah RM124.00 sebulan ataupun dijual pada harga serendah RM35,000.00 seunit di Semenanjung Malaysia dan RM42,000.00 di Sabah dan Sarawak. Kadar sewaan dan harga jualan ini adalah jauh lebih rendah daripada harga pasaran perumahan semasa dan kadar yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan mengambil kira kemampuan golongan rakyat yang layak menduduki PPR ini.

SUMBER : KPKT